



Oleh
**PROFESOR
EMERITUS
DATUK
DR. WAN
HASHIM
WAN TEH**

Asal mula Kesultanan Perak

Hampir semua pengkaji sejarah Malaysia akan bersetuju bahawa Perak Darul Ridzuan adalah satu-satunya negeri Melayu yang mempunyai hubungan secara langsung dengan zuriat keturunan dan susur galur Kesultanan Melayu Melaka...



DALAM buku *Biografi Bergambar DYMM Sultan Azlan Shah* yang di terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1990, saya membuka tirai buku itu dengan menulis seperti berikut:

"Institusi kerajaan beraja di alam Melayu bermula dengan kehadiran tiga orang putera bernama Nila Pahlawan (yang bergelar Sang Sapurba), Nila Utama (yang bergelar Sri Tri Buana) dan Krishna Pendita di Bukit Siguntang, di sekitar Tanah Andalas berhampiran dengan Muara Tatang dan Gunung Mahamiru dalam negeri Palembang Tua di Sumatera."


Mengikut kitab *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin*, mereka adalah putera kepada Raja Suran bersama Permaisuri Mahtabul Bahari yang bertakhta di sebuah negeri bernama Andam Negara. Raja Suran diriwayatkan mempunyai susur galur zuriat keturunan dengan Raja Iskandar Zulkarnian Agung dari Makaduniah berketurunan bangsa Rom.

Dalam penulisan terbaru yang sedang dalam proses penerbitan, *Nine Kingdoms, The Unveiling of Malay Sovereignty* (UPNM dan Laman Lestari, 2015), saya selaku Ketua Penyunting kepada 10 jilid siri penerbitan itu telah melihat kembali fakta tentang susur galur keturunan Raja-raja Melayu dan merasakan ia perlu diberi tafsiran baru.

Pendapat baru menyatakan apa yang disebut sebagai Raja Iskandar Zulkarnain oleh Tun Sri Lanang itu besar kemungkinan ialah Cyrus the Great atau Raja Khurus Agung dari Parsi seperti yang terkandung dalam kitab suci al-Quran dan bukannya Alexander the Great putera kepada Raja Philips dari kerajaan Makaduniah.

Tentang tiga putera Raja Suran, mengikut *Sejarah Melayu* edisi A. Samad Ahmad, Nila Utama atau Sri Tri Buana berkahwin dengan Ratu Cendera Puri, anak kepada raja asal negeri Palembang iaitu Demang Lebar Daun. Akhirnya, baginda belayar merentasi Selat Melaka dan membuka serta bertakhta di negeri Temasuk yang kemudiannya lebih di kenali sebagai Singapura.

ALAT-ALAT KEBESARAN NEGERI PERAK



TANJAK Di-Raja.



AIGRETTE Di-Raja.



TIARA



PEDANG Cura Si Manja Kini.



KERIS Taming Sari.

Krishna Pendita mengembara dan akhirnya menjadi raja di Tanjung Pura. Sang Sapurba atau Nila Pahlawan pula dilantik sebagai raja bertakhta di tanah Minangkabau. Daripada jurai keturunan tiga orang putera Raja Suran inilah bermulanya institusi "Kerajaan Beraja" di salah satu wilayah di alam Melayu.

Dalam satu lagi penerbitan yang baru selesai kami usahakan, *Asal Usul Rumpun Melayu-Induknya di Benua Sunda* (Zaharah Sulaiman, Wan Hashim, Nik Hassan Shuhaimi, DBP, 2015), kami telah mengusulkan jurai kedua keturunan raja-raja dan pembentukan Kerajaan Melayu. Ia bermula dengan kedatangan putera kepada Nabi Ibrahim dengan isterinya yang ketiga Kauthara.

Putera ini atau anak cucunya tiba dengan kabilahnya di wilayah utara alam Melayu dan mengasaskan kerajaan Melayu kuno pada sekitar abad akhir Sebelum Masehi yang kini dikenali sebagai Kerajaan Funan.

Kerajaan Funan atau "Kerajaan di Gunung" ini kemudiannya melahirkan Kerajaan Kemboja dan Kerajaan Champa di Semenanjung Indo-China serta Kerajaan Langkasuka di sekitar Segenting Kra meliputi negeri-negeri Melayu utara Semenanjung. "Kemboja" yang asal dipercayai nama daerah tempat lahirnya putera Nabi Ibrahim di sekitar tanah Arab-Parsi.

Salah seorang daripada putera Raja Suran itu telah menghasilkan keturunan yang melahirkan seorang putera bernama Parameswara atau nama gelaran yang lebih tepat, mengikut seorang sejarawan dan Pengarah Pusat Sejarah Negara Brunei Darussalam, Orang Kaya Dalam Pehin Jamil, ialah "Permai Suara" (ditutur dalam bahasa Inggeris menjadi 'Parameswara') kerana suara baginda yang amat merdu dan sedap didengar.

Pada mulanya Parameswara menuju ke Temasuk, tetapi kemudiannya meninggalkan pulau itu kerana gangguan oleh kabilah Siam di utara dan akhirnya lebih selesa dan selamat membuka Kerajaan Melaka yang amat terkenal itu. Pada hari ini, hampir semua

pengkaji sejarah Malaysia akan bersetuju bahawa Perak Darul Ridzuan adalah satu-satunya negeri Melayu yang mempunyai hubungan secara langsung dengan zuriat keturunan dan susur galur Kesultanan Melayu Melaka.

Sebelum wujudnya Kerajaan Negeri Perak pada suku pertama abad ke-16, iaitu kerajaan yang masih berdiri sehingga ke hari ini, sudah wujud beberapa kerajaan kecil seperti Manjung dan Beruas di sekitar pesisir pantai barat negeri itu. Di sekitar utara pula, terdapat daerah hulu Sungai Perak yang dikuasai oleh orang-orang besar seperti Tok Temong dan Tun Saban. Namun, Perak serta daerah-daerah ini lebih merupakan sebagai wilayah-wilayah yang bernaung di bawah kesultanan yang kemudiannya bertukar menjadi Empayar Melaka.

Hubungan Melaka dengan Perak

Setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis pada 1511, Sultan Mahmud Shah berundur ke hulu Sungai Muar serta membuat beberapa percubaan untuk menawan semula Melaka tetapi gagal. Antara pahlawan Melayu yang berjuang untuk mengusir penjajah Portugis keluar dari bumi Melaka, mengikut kajian Harun Aminurrashid melalui karya persuratannya ialah Panglima Awang.

Namun, Panglima Awang juga tewas dan ditangkap untuk dijadikan hamba oleh Alfonso D'Albuquerque, Gabenor Jeneral Timur Jauh ketika itu yang menyerahkan beliau kepada Fernando Magallen untuk dibawa pulang ke Portugal. Panglima Awang kemudiannya menjadi pembantu setia kepada Kapten Magallen yang mendapat biaya khas daripada Raja Sepanyol bersama-sama sebuah kapal utama Vittoria dan beberapa kapal iringan untuk belayar ke arah barat mencari jalan alternatif untuk sampai ke Timur Jauh.

Magallen terkorban kerana dibunuh oleh penduduk di

sebuah kepulauan di Filipina, manakala Panglima Awang berjaya menyelamatkan diri serta belayar membawa Vittoria kembali ke Melaka dengan menjadikan beliau manusia yang pertama berjaya mengelilingi dunia pada sekitar 1515-1517. Sultan Mahmud kemudiannya terus berundur ke Pahang, dan dari sana ke Singapura dan akhirnya kembali semula ke Sumatera dan mangkat di Kampar. Ketika Sultan Mahmud bersemayam di Kampar, baginda dikunjungi oleh satu rombongan orang-orang besar Perak di bawah pimpinan Tun Saban.

Terdapat sumber yang menyatakan bahawa Tun Saban adalah salah seorang putera kepada Tun Perak, salah seorang bendahara Melaka yang masyhur serta pernah membawa Melaka ke puncak kegemilangannya. Akan permintaan rombongan dari Perak itu telah diperkenankan oleh Baginda Sultan Mahmud dengan menyerahkan salah seorang putera Baginda, Raja Muzaffar Shah kepada rombongan orang-orang besar dari negeri Perak itu. Pada ketika itu, negeri Perak masih belum mempunyai seorang raja yang berdaulat.

Dengan perkenan ayahanda Baginda Sultan Mahmud Shah, Raja Muzaffar menjadi pewaris segala alat kebesaran diraja yang dibawa bersama ketika meninggalkan negeri Melaka. Antaranya ialah Keris Taming Sari dan Pedang Cura Simanjakini untuk tujuan Istiadat Pertabalan Baginda sebagai Sultan Perak yang pertama.

Ketika tiba di satu kawasan di muara Sungai Perak yang kini di kenali sebagai Beting Beras Basah, bahtera kenaikan Raja Muzaffar telah tersangkut di sebuah beting dan tidak dapat bergerak untuk meneruskan perjalanan mudik ke hulu Sungai Perak. Atas nasihat pawang diraja, Baginda pun memandang ke arah langit sambil mengeluarkan kata-kata seruan seperti berikut:

*Sekongkong tanah Minangkabau
Selilit Pulau Perca
Di lengkung ular Saktimuna*

*Perpisahan Beta di Selat Melaka
Jika sah Beta Raja Berdaulat
Lepaskan sekelian malapetaka.*

Sebaik-baik sahaja Raja Muzaffar Shah selesai melafazkan kata-kata ini, sekelian orang-orang besar Perak, didahului oleh Bendahara Tun Saban menyeru "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali. Dengan itu, terlepaslah bahtera kenaikan Raja Muzaffar daripada halangan di situ. Ini membolehkan baginda serta rombongan untuk meneruskan perjalanan belayar mudik ke hulu Sungai Perak. Akhirnya Baginda tiba di kawasan yang kini di kenali sebagai Tanah Abang.

Di sinilah istana yang pertama didirikan dan Istiadat Pertabalan Di Raja dizahirkan dengan mengikut segala upacara kebesaran dan adat istiadat Kesultanan Melayu yang dilaksanakan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, iaitu pada tahun 1528 Masehi dengan mengambil gelaran Sultan Muzaffar Shah. Baginda mangkat pada 1549 dengan digantikan oleh putera baginda bergelar Sultan Mansur Shah I hasil perkahwinan Baginda dengan Tun Terang, iaitu puteri kepada Tun Ali. Sultan Mahmud Shah mempunyai dua orang putera pewaris kesultanan Melayu. Seorang lagi putera telah di serahkan kepada kerajaan Johor-Riau yang menabalkan baginda dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah II (1528-1564).

Hari ini, genap sudah Negeri Perak mempunyai Rajanya yang ke-35 serta merupakan satu-satunya pewaris Kesultanan Melayu Melaka yang asalnya daripada keturunan Bukit Siguntang di tanah Palembang.

Semoga Negeri Perak Darul Ridzuan akan terus kekal makmur dan rakyat jelatanya hidup dengan aman dan damai di bawah naungan Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

● **PENULIS** ialah Dekan, **Fakulti Pengajian Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).**